

Ulang Tahun Ke-30 Institut Pengajian Dasar (IPS) Kemajuan untuk semua kunci tangani ketidaksamaan

Berita Harian, 27 October 2018

SINGAPURA perlu memastikan semua warganya - termasuk golongan kelas pertengahan - terlebih dahulu terus maju untuk menangani ketidaksaksamaan pendapatan.

Berkata demikian, Timbalan Perdana Menteri, Encik Tharman Shanmugaratnam, menggunakan analogi pengguna tangga bergerak, beliau berkata tangga itu perlu terus bergerak supaya memanfaatkan semua pengguna.

"Tiada gunanya jika kita berada dalam kedudukan lebih baik daripada orang lain jika kita semua terkandas di tempat sama," kata beliau.

Tambahnya, jika tangga bergerak itu rosak dan berhenti, ramai yang akan berasa bimbang akan terus ditinggalkan orang di hadapan dan dilintasi orang dari belakang.

Encik Tharman berkata demikian semasa menyertai dialog yang dipengerusikan Duta Kelana Profesor Tommy Koh di jamuan malam ulang tahun ke-30 Institut Pengajian Dasar (IPS) di Marina Bay Sands kelmarin.

Perbincangan yang diadakan berpusat kepada dua topik yang menjadi perbualan awam kebelakangan ini - ketidaksaksamaan dan mobiliti sosial.

Kata Encik Tharman, cara utama untuk menangani isu-isu itu adalah dengan memastikan setiap anggota masyarakat terus maju.

"Apabila kelas pertengahan dalam masyarakat mengalami kejumudan bagi tempoh panjang, seperti yang berlaku di Amerika Syarikat dan sebilangan ekonomi maju lain, ketidaksaksamaan menjadi isu lebih ketara dan rapuh, dan lejangkan politik berteras ketidaksaksamaan dengan sendirinya bertambah," kata Encik Tharman.

'Tangga bergerak' yang terus membawa semua pengguna naik juga mempermudah usaha sesebuah negara membuka laluan bagi mobiliti sosial, kata beliau.

"Ada lebih banyak peluang dan kemahiran baru untuk dipelajari, lebih banyak pekerjaan baru untuk dikecapi. Adalah lebih mudah untuk mencapai mobiliti nisbi (relatif) apabila anda mempunyai mobiliti mutlak - apa yang saya perolehi tidak menjejaskan peluang bagi orang lain," jelas beliau.

Beliau juga berkata, 'sebahagian penting' ketidaksaksamaan di Singapura mengikut generasi dan kesan sampingan kejayaannya.

Menurut Encik Tharman, lebih 60 peratus warga Singapura yang kini berusia 50-an tahun, tidak memiliki pendidikan melebihi sekolah menengah.

Namun, sejak beberapa dekad lalu, Singapura telah mengubah sistem pendidikan dan membuka lebih banyak peluang bagi generasi lebih muda.

Justeru, warga Singapura yang lebih tua kini 'berada di kedudukan lebih bawah di tangga bergerak' sementara generasi selanjutnya telah bergerak ke atas.

"Kita perlu menumpukan pemikiran kita kepada usaha membantu warga Singapura lebih tua - bukan warga yang benar-benar tua, tetapi warga Singapura lebih matang, yang masih mempunyai jangka hayat 40 tahun - untuk bekerja seberapa lama yang mereka ingini dengan cara bermaruah, mendapat pendapatan memadai, dengan sokongan majikan, pemerintah dan pihak awam," kata Encik Tharman.

Usaha memelihara mobiliti sosial juga akan menjadi lebih sukar, selaras dengan kemajuan Singapura kerana ia adalah ciri sistem meritokrasi, kata Encik Tharman.

"Mereka yang berjaya cuba membantu anak mereka dan mereka yang belum berjaya mendapati rintangan yang dihadapi bertambah," kata beliau.

Justeru, Singapura perlu berusaha lebih gigih untuk memastikan mobiliti sosial berkekalan, dengan cara campur tangan lebih awal, malah dari peringkat sebelum bayi dilahirkan dan sepanjang hayatnya supaya memastikan beliau boleh berjaya.

"Ia memerlukan usaha yang konsisten... melabur untuk kebaikan rakyat di beberapa peringkat tetap dan menganggap dengan amat serius idea bahawa setiap warga boleh maju," kata Encik Tharman.